



Jabatan Bendahari Bursary Department

Ruj : UKM 3.1/224/8 Jld IX
Tarikh : 22 Oktober 2010

PEKELILING BENDAHARI BIL. 22/2010

Dekan/ Pengarah/ Ketua
Fakulti/ Pusat/ Bahagian/ Jabatan/ Unit
Universiti Kebangsaan Malaysia, dan
Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia

Y.Bhg. Prof. Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

PERATURAN MENGENAI PEMBELIAN ASET ALIH

Dengan hormatnya izinkan saya merujuk kepada perkara di atas.

Dalam usaha menambahbaik pengurusan aset/inventori UKM, Jabatan Bendahari telah mengeluarkan satu surat akuan penerimaan sebagai bukti aset tersebut telah diterima dan berada di Fakulti/ Pusat/Bahagian/Jabatan/Unit Y.Bhg. Prof. Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan. Ini selaras dengan Pekeliling Bendahari Bil. 15/2008-Tatacara Pengurusan Aset Alih UKM dengan pindaan iaitu bagi memastikan penerimaan, penyimpanan, penggunaan, penyenggaraan dan pelupusan aset dan inventori adalah dibuat dengan teratur dan kemas kini bagi mengelak daripada berlakunya salah guna, pembaziran, penyelewengan dan pemborosan. Borang ini digunakan untuk pembelian kelengkapan ICT/telekomunikasi dan peralatan lain yang mudah di alih dari masa ke semasa. Borang ini perlu diisi oleh kakitangan UKM yang menerima aset dan inventori bagi pembelian tanpa mengira peruntukan. Pegawai Aset yang telah dilantik perlu memastikan borang ini lengkap diisi dan ditandatangani dalam dua salinan. Satu salinan disimpan oleh penerima aset manakala satu salinan lagi disimpan oleh Pegawai Aset di PTJ masing-masing.

Peraturan ini dilaksanakan sebagai langkah pencegahan berikut dari peningkatan kes-kes kehilangan aset alih sejak kebelakangan ini di mana tidak ada pihak yang diberi tanggungjawab secara khusus ke atas aset jabatan masing-masing. Dilampirkan bersama statistik kehilangan aset sejak tahun 2009 hingga 2010.

Sukacita Y.Bhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan dapat memanangkan maklumat ini kepada kakitangan yang menguruskan aset dan inventori di jabatan Y.Bhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan.

Kerjasama Y.Bhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan didahului ucapan terima kasih.



Jabatan Bendahari Bursary Department

Sekian,

'Akauntabiliti Pegangan Kita'

Yang benar,

MOHD. ABD. RASHID MOHD. FADZIL
Bendahari
Universiti Kebangsaan Malaysia

- s.k - Naib Canselor, UKM
- Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Penyelidikan & Inovasi), UKM.
- Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Akademik & Antarabangsa), UKM.
- Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Pelajar & Alumni), UKM.
- Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Jaringan Industri & Masyarakat), UKM.
- Pendaftar, UKM
- Ketua, Unit Audit Dalam

/berlampir